

'Tiada kebenaran umrah ketika ini'

Keputusan selepas dengar pandangan KKM, Menteri Hal Ehwal Agama

Oleh Ilah Hafiz Aziz
lahhahfiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan tidak bercadang membenarkan jemaah Malaysia mengerjakan ibadah umrah dalam tempoh terdekat ini, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu selepas mendengar pandangan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mo-

hammad Al-Bakri, ketika Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN), semalam.

Beliau berkata, perkara itu dibuat atas nasihat KKM untuk tidak membenarkan jemaah Malaysia menunaikan ibadah itu, meskipun Arab Saudi mula membenarkan umrah dijalankan selama 10 hari.

"Zulkifli menjelaskan, walaupun Arab Saudi membenarkan ibadah umrah dijalankan selama 10 hari, kerajaan atas nasihat Kementerian Kesihatan tidak bercadang membenarkan jemaah Malaysia ke sana pada masa ini," katanya menerusi kenyataan yang dimuat naik menerusi Facebook peribadi beliau, malam ini.

Muhyiddin berkata, ketika sidang khas semalam, Zulkifli turut menjelaskan ketetapan mengenai kebenaran mengadakan majlis

pernikahan dan solat Jumaat akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong sebelum dilaksanakan.

Sementara itu, Zulkifli dan Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, dalam kenyataan bersama, menegaskan kerajaan akan melakukan yang terbaik demi kepentingan rakyat.

"Kerajaan akan melakukan yang terbaik demi kepentingan rakyat Malaysia, terutama jemaah umrah yang mahu ke Tanah Suci kelak.

"Bagi kerajaan, keselamatan dan kesihatan jemaah umrah Malaysia adalah keutamaan tertinggi," kata mereka dalam kenyataan itu.

Minggu lalu, Arab Saudi memutuskan umat Islam dari seluruh dunia berusia di antara 18 hingga 50 tahun, akan dibenarkan mengerjakan umrah selepas per-



Perkara itu dibuat atas nasihat KKM untuk tidak membenarkan jemaah Malaysia menunaikan ibadah itu, meskipun Arab Saudi mula membenarkan umrah dijalankan selama 10 hari.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

mit kebenaran untuk jemaah luar Arab Saudi dibuka mulai 1 November ini.

Dalam usaha mencegah jangkitan COVID-19, antara arahan dikeluarkan Kementerian Haji dan Umrah adalah jemaah perlu menjalani kuarantin selama tiga hari ketika ketibaan di negara itu.

Menerusi laporan *Saudi Gazette* yang memetik sumber Kementerian Haji dan Umrah, semua sya-

rikat umrah perlu mematuhi peraturan Kementerian dan mengawal kehadiran jemaah dari luar negara.

Menurut peraturan itu, jemaah perlu mempunyai sijil ujian kesihatan PCR yang membuktikan mereka bebas COVID-19, tidak lebih daripada 72 jam selepas sampel itu diambil dan dikeluarkan makmal bertauliah di negara asal jemaah.